

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]
TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 131

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah universiti asing yang membuka kampus luar negeri di Malaysia, nyatakan bilangan pelajar asing dan tempatan yang berdaftar masuk dan adakah mana-mana universiti Malaysia membuka kampus masing-masing diluar negeri, jika ada di mana, jika tiada, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sepuluh (10) buah Kampus Cawangan Universiti Luar Negara (KCLN) yang ditubuh dan didaftarkan di Malaysia sebagai Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dibawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Seramai 21,782 orang pelajar tempatan dan 6,277 orang pelajar antarabangsa telah mendaftar masuk di sepuluh (10) buah KCLN berkenaan sehingga bulan Mac 2019.

Sehingga hari ini hanya terdapat satu (1) Universiti Awam sahaja yang telah menubuhkan cawangan di luar negara iaitu Universiti Sains Malaysia bersama-sama dengan *Karnataka Lingayat Education* (KLE) di Bangalore, India yang ditubuhkan pada tahun 2010 yang menawarkan program *USM-KLE International Medical Programme* (IMP).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, IPTS yang membuka kampus di luar negara adalah di luar pengawalseliaan dan peruntukan Akta 555 dan tidak perlu berdaftar dengan Kementerian di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) 1996 (Akta 555). Walau bagaimanapun kerajaan tidak mempunyai halangan sekiranya IPTS membuka kampus di luar negara dan hendaklah mematuhi tatacara dan peraturan yang ditetapkan oleh negara tersebut serta sentiasa menjaga imej Malaysia di luar negara.

Sekian, terima kasih.

RJM 33